

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PELANCARAN "GERAKAN CINTAILAH BAHASA KITA"

TEMPAT: HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 11 DEC 1987

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim,
Menteri Pendidikan merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Pusat Gerakan
Cintailah Bahasa Kita;
Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat Gerakan Cintailah Bahasa Kita kerana menjemput saya melancarkan upacara pagi ini. Saya berharap Gerakan ini akan mengukuhkan lagi status Bahasa Malaysia sebagai alat perpaduan kebangsaan dan juga alat komunikasi yang berkesan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Lebih tiga puluh tahun dahulu, rakyat dan para cendekiawan berpadu tenaga, bersatu tekad dan membulatkan kesetiaan untuk memperjuangkan kedudukan dan taraf Bahasa Melayu di tanahair tercinta ini. Di dalam usaha untuk membangkitkan kesedaran rakyat berbilang kaum terhadap pentingnya diwujudkan satu Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu telah dipersetujui bersama menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang baru merdeka. Maka secara rasminya bahasa rasmi ini dikenali sebagai Bahasa Malaysia.

3. Kita juga telah menyaksikan peristiwa perkembangan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di dalam sistem pendidikan kebangsaan yang bertujuan menyatu-padukan rakyat dan membina masyarakat yang berjiwa Malaysia.

4. Pelbagai usaha dan rancangan telah dijalankan di dalam proses mengisi kehendak dan semangat Perlembagaan dan Akta Bahasa Kebangsaan untuk membina, mengembang dan mendaulatkan bahasa itu, sesuai dengan taraf dan peranan yang diberikan kepadanya. Pembinaan dan pengembangan Bahasa Malaysia untuk memenuhi fungsinya sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pendidikan berlaku dengan program yang terperancang, bukan sahaja pada peringkat nasional malah pada peringkat wilayah di Asia Tenggara.

5. Badan-badan pembinaan dan pengembangan bahasa dan institusi-institusi pengajian tinggi memainkan peranan yang penting bagi peningkatan mutu bahasa dan pengembangan

penggunaannya di dalam pelbagai bidang. Penyelidikan korpus atau aspek-aspek bahasa, penyeragaman ejaan rumi, pembentukan istilah sains dan teknologi dan penerbitan telah dijalankan bagi memantapkan aspek-aspek Bahasa Malaysia.

6. Proses memaju dan mengembangkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pendidikan itu dilakukan tanpa menafikan kedudukan dan fungsi bahasa-bahasa lain sebagai bahasa bukan rasmi dan bahasa ibunda kaum-kaum tertentu serta kedudukan dan peranan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di negara ini.

7. Kini, selepas tiga puluh tahun merdeka, kita tidak seharusnya lagi mempersoalkan kedudukan dan taraf Bahasa Malaysia di sisi undang-undang. Sehubungan dengan ini, kita juga tidak seharusnya mempersoalkan kedudukan dan taraf bahasa-bahasa kaum yang lain, seperti bahasa-bahasa kaum Cina dan bahasa Tamil, di sisi undang-undang. Bukan sahaja kerana sudah diperuntukkan dalam undang-undang, malahan dalam amalan pun tidak pernah kita melarang orang menggunakan, mempelajari atau mengajar bahasa-bahasa yang lain daripada Bahasa Malaysia. Di antara negara-negara yang membangun, amalan ini adalah unik. Di negara-negara yang maju pun sikap liberal ini jarangkali diamalkan.

8. Segala-galanya sudah begitu jelas dan tidak harus sama sekali dijadikan isu oleh mana-mana pihak pun. Di dalam konteks ini, bahasa tidak akan dibenarkan lagi menjadi isu politik, apatah lagi menjadi isu perkauman yang boleh menjejaskan kestabilan dan perpaduan negara, kerana kedudukan dan taraf setiap bahasa yang wujud di negara ini telah disepakati bersama.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Pertemuan hari ini menyaksikan suatu lagi peristiwa bersejarah di dalam usaha kita bersama hendak menegakkan kedaulatan Bahasa Malaysia yang sudah diterima umum sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Pertemuan hari ini juga menekankan pentingnya kita mencintai Bahasa Kebangsaan Kita. Cinta atau kecintaan sebagai sesuatu yang abstrak dan yang bersifat peribadi tidak dapat dipaksakan ke atas seseorang individu, tetapi saya percaya bahawa setiap orang mempunyai perasaan cinta yang bersemi terhadap sesuatu dan perasaan cinta itu dapat dimekar atau dikembangkan apabila ada kesempatan atau persekitaran untuk berbuat demikian. Dalam hal ini, kecintaan terhadap bahasa kita pun dapat bersemi, menjadi mekar dan bercambah apabila kita berusaha dari dalam diri sendiri atau dengan pengaruh dari luar.

10. Bukti yang jelas di depan mata kita menunjukkan bahawa Bahasa Malaysia tidak digunakan seratus peratus sebagai Bahasa Kebangsaan, iaitu sebagai alat komunikasi yang menyeluruh di kalangan semua rakyat di dalam semua keadaan dan urusan kerja sehari-hari. Tidak habis-habis kita mendengar rungutan, malah kecaman tentang Bahasa Malaysia

tidak diberikan keutamaan atau diabaikan langsung di dalam bidang-bidang tertentu di sektor swasta, perindustrian dan bidang profesional.

11. Umpamanya masih ada papan tanda perniagaan dan pengiklanan yang tidak mendaulatkan Bahasa Kebangsaan dan menggunakan bahasa yang tidak tepat. Tidak ada larangan terhadap penggunaan bahasa lain, tetapi keistimewaan hendaklah diberikan kepada Bahasa Kebangsaan di dalam tulisan rumi yang menjadi huruf yang diterima rasmi.

12. Kita tidak menafikan tentang penting dan perlunya Bahasa Inggeris di dalam kebanyakan urusan pentadbiran dan perniagaan di sektor swasta, terutama di syarikat-syarikat besar yang berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris dengan dunia antarabangsa. Tentulah tidak adil dan tidak munasabah apabila kita memaksa atau mengharap syarikat-syarikat besar menggunakan Bahasa Malaysia apabila berurusan dengan syarikat-syarikat di Amerika, negara-negara Arab, Jepun, India atau Republik Rakyat China.

13. Tetapi apa yang kita persoalkan ialah kecenderungan ke arah penggunaan Bahasa Inggeris secara besar-besaran, bahkan dengan membelakangkan Bahasa Kebangsaan sama sekali. Perbuatan ini menunjukkan bahawa kita tidak berbangga dan tidak mencintai Bahasa Kebangsaan kita. Amalan ini amat ketara di pusat-pusat membeli-belah dan di setengah-setengah tempat awam. Saya syak bahawa amalan ini timbul akibat daripada kurang keyakinan akan kedudukan dan keupayaan Bahasa Kebangsaan. Sikap ini perlulah dikikis. Tidak ada kekurangan di dalam Bahasa Kebangsaan kita untuk apa juga jurusan komunikasi.

14. Saya percaya bahawa Gerakan yang akan dilancarkan ini mempunyai hikmatnya yang tersendiri, iaitu bertujuan supaya menimbulkan kesedaran untuk memupuk dan mengembangkan perasaan "cinta yang sejati" atau "cinta yang suci" atau "cinta yang tulus ikhlas" di dalam hati sanubari setiap rakyat Malaysia terhadap Bahasa Kebangsaan kita, yang mana ia akan meningkatkan prestij dan maruah bangsa dan negara Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Generasi baru yang akan mewarisi kita sudah dapat menguasai Bahasa Malaysia dengan baik. Dengan ini penggunaan Bahasa Kebangsaan menjadi lebih penting. Ia tidak akan menjejaskan komunikasi antara satu pihak dengan pihak yang lain kerana semua pihak sudah pun menguasai Bahasa Kebangsaan. Sebaliknya, ia akan mengurangkan keperluan menguasai dan menggunakan berbagai bahasa untuk berhubung dengan penduduk berbagai kaum di Malaysia. Dengan satu bahasa sahaja, iaitu Bahasa Kebangsaan, kita sudah boleh berhubung dengan semua rakyat dan penduduk Malaysia.

16. Sikap kita harus segera berubah daripada sekadar melihat dan menggunakan Bahasa Malaysia untuk urusan yang

mudah-mudah sahaja, atau untuk berkomunikasi dengan Kerajaan semata-mata, kepada penerimaannya sebagai lambang prestij bangsa dan negara serta menjadikannya bahasa perhubungan yang berkesan di antara pelbagai kaum di negara ini. Kecintaan terhadap Bahasa Kebangsaan sebagai asas kecintaan terhadap negara perlu dipupuk dan dikembangkan dengan amalan. Amalanlah yang menjadi bukti perasaan cinta. Amalanlah yang akan memberikan keyakinan kepada kita untuk terus mencintai bahasa kita. Tanpa mengamalkannya, sukar kita hendak meyakinkan diri kita sendiri dan orang lain bahawa kita mencintai Bahasa Kebangsaan. Inilah faktor di dalam diri yang harus dibina tanpa paksaan oleh mana-mana pihak.

17. Untuk tujuan tersebut, saya suka menggesa semua pihak di sektor swasta khususnya supaya lebih banyak menggunakan Bahasa Malaysia dalam urusan mereka dengan masyarakat Malaysia, sama ada di dalam tulisan ataupun dengan lisan dan bukan sekadar dalam urusan rasmi dengan Kerajaan sahaja. Walau bagaimanapun, faktor luaran yang berupa kesempatan dan persekitaran perlu dipertimbangkan dalam membina semula atau memupuk kecintaan rakyat terhadap Bahasa Kebangsaan kita. Unsur yang paling utama adalah berupa perhatian, galakan, dorongan dan kawalan daripada pihak perancang dan pengembang bahasa, di samping daripada Kerajaan sendiri.

18. Badan-badan perancangan bahasa seperti Dewan Bahasa dan Pustaka perlu memainkan peranan yang lebih besar dan lebih berkesan serta meningkatkan usaha untuk memperluas dan mengawal penggunaan Bahasa Kebangsaan. Pertubuhan sukarela dan pertubuhan bahasa dan sastera mempunyai peranan yang penting, bukan sahaja untuk membantu membina dan mengembangkan bahasa tetapi juga mengawal penggunaannya.

19. Pada pihak Kerajaan, penggunaan Bahasa Malaysia dalam bidang pendidikan tidak menjadi isu dan masalah lagi kerana segala-galanya berjalan dengan baik menurut perancangan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Di samping itu, Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi di sektor awam sudah mencapai tahap penggunaan yang hampir menyeluruh. Sungguhpun demikian, mutu bahasa rasmi Kerajaan dikatakan belum mencapai tahap paling tinggi yang dapat dibanggakan dan boleh menjadi teladan bagi sektor pengguna yang lain. Perkara ini perlulah mendapat perhatian segera kerana pedoman ejaan, peristilahan dan tatabahasa sudah dimantapkan dan tidak menjadi masalah yang besar lagi bagi pegawai-pegawai Kerajaan menggunakannya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Untuk tujuan memperkukuhkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam urusan rasmi dan melaksanakan dasar Bahasa Kebangsaan sepenuhnya, kita perlu mengkaji semula peruntukan undang-undang dan peraturan yang ada hubungannya dengan penggunaan bahasa, tanpa menyentuh persefahaman antara kaum yang dicapai semasa perjuangan kemerdekaan.

21. Kita harus juga mengkaji beberapa langkah yang patut dilaksanakan untuk meluaskan lagi penggunaan Bahasa Malaysia. Kaji selidik perlu diadakan untuk mengetahui kemajuan dan pencapaian serta mengenal pasti masalah yang utama dalam pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi di sektor awam, iaitu di kalangan semua Jabatan Kerajaan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan pihak berkuasa tempatan. Kajian juga perlu dilakukan secara menyeluruh untuk mengetahui pencapaian dan masalah utama yang dihadapi dalam penggunaan bahasa di sektor swasta dan dalam bidang profesional seperti perundangan, kehakiman, kejuruteraan, perubatan, perindustrian dan perdagangan. Rancangan tindakan untuk mengatasi masalah perlu juga diadakan.

22. Dalam usaha mengembangkan Bahasa Kebangsaan, rakyat yang bahasa ibundanya ialah Bahasa Melayu mempunyai peranan yang istimewa. Adalah menjadi tabiat kita mengikut telor atau loghat orang yang bahasa ibundanya bukan Bahasa Melayu. Dengan perbuatan ini, maka Bahasa Kebangsaan yang standard tidak dapat berkembang. Sebaliknya, wujud Bahasa Kebangsaan loghat Tamil, loghat Cina dan lain-lain. Pencemaran ini hanya boleh diatasi jika orang-orang Melayu tidak sengaja mengikut loghat rakan percakapan mereka. Mereka mestilah menggunakan Bahasa Kebangsaan yang baik walau siapapun yang mereka temui.

23. Seperkara lagi ialah pementasan lawak jenaka yang berunsur etnik. Adalah menjadi perkara yang mudah diketawakan apabila loghat-loghat kaum lain dijadikan perkara ejekan dalam pementasan. Tetapi ini membuktikan ketandusan idea seseorang pelawak. Seseorang pelawak yang betul-betul cekap tidak perlu menggunakan kelemahan orang lain dalam menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai daya penarik.

24. Sebenarnya percakapan yang pelat dan telor ini tidak lagi menjadi amalan orang-orang bukan Melayu. Ramai daripada mereka sekarang amat fasih berbahasa Bahasa Kebangsaan. Demikianlah kefasihan mereka sehingga jika kita hanya dengar mereka bercakap tanpa melihat mereka, kita tidak akan mengetahui sama ada yang bercakap itu orang keturunan Cina atau keturunan India atau orang Melayu. Ramai juga daripada mereka yang telah dipilih sebagai juruhebah Bahasa Kebangsaan di radio dan televisyen. Soal loghat tidak begitu ketara lagi. Saya percaya dalam satu generasi lagi, penguasaan Bahasa Kebangsaan oleh bukan Melayu akan meningkat ke tahap yang penuh.

Tuan-tuan dan puan-puan,

25. Walaupun proses perkembangan Bahasa Kebangsaan akan berterusan, ia tidak bermakna kita tidak perlu memupuk perkembangannya. Jika kita alpa dan kita biarkan sahaja, ada kemungkinan ia akan berhenti dan terus merosot. Inilah sebabnya saya menyokong kempen Gerakan Cintailah Bahasa Kita, dan saya dengan gembiranya melancarkan Gerakan ini. Mudah-mudahan ianya diberi taufik dan hidayah oleh Tuhan

yang Maha Esa.

Wassamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.